

MEMARTABATKAN MAHKAMAH SYARIAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَ أَوْصِيكُمْ وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Antara keindahan dan asas penting dalam agama ialah sistem perundangan syariah yang membawa keadilan sejagat. Selepas Nabi Muhamad Sallallahu Alaihi Wasallam berhijrah ke Madinah, wahyu yang diturunkan banyak membincangkan syariah dalam kehidupan. Melihat akan sifatnya yang bertujuan untuk memelihara aqidah, nyawa, akal, zuriat dan harta, seperti yang terkandung dalam maqasid syariah, ia terus dilaksanakan dalam masyarakat

berbilang kaum di Madinah. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam Surah al-Nisa' ayat 58:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

إِنَّ اللَّهَ نِعْمًا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

Yang bermaksud: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

Dalam sejarah Pahang, negeri ini pernah menegakkan syariah sebagai undang-undang yang tertinggi. Semasa zaman pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Muhayiddin Shah, antara tahun 1592 hingga 1614, Hukum Kanun Pahang telah dijadikan panduan utama dalam negeri ini. Ini termasuklah dalam persoalan melantik pembesar kerajaan, dan juga hukuman kepada pelaku kesalahan jenayah. Menurut kajian, daripada 68 fasal yang termaktub dalam Hukum Kanun Pahang, 42 daripadanya adalah berteraskan kepada pendapat dalam Mazhab Shafie. Ia juga merupakan yang kedua terawal selepas Hukum Kanun Melaka, bahkan lebih terperinci. Manuskrip asal hukum syariah negeri

Pahang ini masih lagi disimpan dan dipamerkan di Muzium Masjid Sultan Abdullah di Pekan.

Namun demikian, Tanah Melayu mula berubah selepas kedatangan penjajah. Kemuncak kepada penguasaan penjajah di negara kita ialah undang-undang yang berteraskan syariah diganti kepada yang berteras sekular.

Walaupun demikian, umat Islam masih bertuah kerana dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan, agama Islam disebut dengan jelas, sebagai Agama Persekutuan. Ini bermaksud Agama Islam mempunyai kedudukan yang tertinggi di negara kita dan fakta ini tidak boleh dinafikan oleh mana-mana pihak, termasuklah yang bukan Islam. Tetapi dalam masa yang sama, penganut Agama lain turut diberikan kebebasan untuk melaksanakan tuntutan kepercayaan masing-masing dengan aman dan harmoni.

Berdasarkan Islam sebagai Agama Persekutuan, maka umat Islam berusaha bersungguh-sungguh untuk memartabatkan agama dalam semua aspek, seperti meningkatkan syiar Islam, ibadah, ekonomi, pendidikan dan juga perundangan dalam Mahkamah Syariah.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Ta'ala*,

Mahkamah Syariah mempunyai peruntukan yang tersendiri di dalam Perlembagaan Persekutuan menerusi Pindaan Perkara 121 (1A) tahun 1988 yang memberi Mahkamah Syariah bidang kuasa berasingan berbanding

Mahkamah Sivil, yang bermaksud Mahkamah Syariah adalah bebas dan setaraf dengan mahkamah lain. Kuasanya terletak di bawah Enakmen negeri. Kali terakhir Akta 355 dipinda bagi tujuan pemerkasaan ialah pada tahun 1984, apabila perlembagaan memperuntukkan kepada Mahkamah Syariah untuk menjalankan perbicaraan dan hukuman kepada orang Islam sahaja, tetapi dengan hukuman maksimum denda RM5,000, penjara 3 tahun dan hukuman rotan tidak melebihi 6 kali.

Setelah 33 tahun berlalu, akta 355 ini tidak pernah dikaji semula, bahkan hukuman kepada pesalah jenayah syariah dilihat tidak munasabah, dan bercanggah dengan matlamat syariah untuk mendidik, menegakkan keadilan dan kemakmuran dalam masyarakat awam. Sebaliknya hukuman di mahkamah sivil adalah lebih berat, selari dengan kesalahan yang dilakukan. Contohnya, pesalah minum arak, menimbulkan kekacauan yang bukan sahaja mengganggu ketenteraman orang Islam, tetapi juga orang bukan Islam, mengikut hukuman yang diamalkan sekarang denda maksima hanyalah RM5,000 atau penjara 3 tahun dan 6 kali sebatan sahaja sedangkan hukuman sebenar mengikut syarak ialah 40 kali sebatan.

Kita bersyukur apabila Yang di-Pertuan Agong yang lalu, sempena Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Ketiga Belas pada 7 Mac 2016 bertitah agar menyegerakan usaha untuk memperkasa Mahkamah Syariah.

Walau bagaimanapun, respon terhadap usul ini menimbulkan perbahasan yang hangat dalam masyarakat. Agak mengejutkan, apabila sebahagian masyarakat bukan Islam turut campur tangan membayangkan penentangan mereka terhadap usul berkenaan, sedangkan ia hanya melibatkan pesalah jenayah orang Islam sahaja. Bahkan sekiranya pindaan Akta 355 ini diterima, masyarakat bukan Islam akan turut dapat limpahan manfaatnya, apabila pesalah jenayah syariah dalam kalangan orang Islam yang sebelum ini turut menjadikan bukan Islam sebagai mangsa, akan semakin berkurangan kerana hukuman yang setimpal dan menepati syarak.

Selain itu, ada yang mengkritik kononnya hukuman yang bakal ditingkatkan, adalah tidak berperikemanusiaan. Pihak yang mendakwa demikian, hanya melihat elemen tersebut daripada perspektif hukuman sekular, seperti hukuman rotan sivil yang mencederakan. Sedangkan dalam Islam, hakikat sebenar hukuman rotan ialah untuk mendidik, dan bukan untuk mendera. Pelaksanaannya juga adalah lebih berperikemanusiaan.

Apa yang pasti, usaha meminda Akta 355 adalah usaha berterusan bagi memastikan peningkatan pematuhan syariat Islam dalam dunia mencabar ini. Umat Islam perlu mengelakkan diri daripada mempolitikkan usaha murni ini, seolah-olah memberi sokongan kepada masyarakat bukan Islam untuk menyatakan bantahan.

Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dalam surah al-Ahzab ayat 36:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ

وَمَنْ يَعِصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

Yang bermaksud: Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan apabila Allah dan RasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan RasulNya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata.

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعْنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ

مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ

المُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.